

Sembilan cedera, kemalangan babit dua kenderaan

Ajal dua lelaki malam raya Aidiladha

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

MUAR – Dua maut selepas kenderaan pelbagai guna (MPV) Honda Stream yang dinaiki terlibat dalam kemalangan dua buah kenderaan di Kilometer 144.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara berhampiran Pagoh di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 11 malam itu, mangsa, Ariff Zainal, 40-an, dan seorang pemuda 20-an meninggal dunia di tempat kejadian.

Manakala dua lagi masing-masing berusia sembilan dan 47 tahun yang menaiki kereta sama cedera ringan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pagoh, Mohd. Fadli Ismail berkata, kemalangan itu turut melibatkan sebuah MPV Toyota Wish yang dinaiki tujuh sekeluarga.

“Kesemua mangsa yang berusia antara lapan hingga 47 tahun itu mengalami kecederaan



ANGGOTA bomba membantu mengeluarkan mangsa kemalangan membabitkan dua kenderaan kelmarin.

ringan,” katanya semalam.

Menurutnya, pihak BBP Pagoh menerima panggilan kecemasan pada pukul 11.03 malam sebelum bergegas ke lokasi kejadian.


Ujarnya, terdapat tiga mangsa yang dipercayai tercampak keluar daripada kenderaan pada jarak 20 dan 30 meter.

“Dua mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian

oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

“Pihak bomba turut menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit,” katanya.

Mohd. Fadli berkata, mangsa yang maut diserahkan kepada pihak polis, manakala mereka yang cedera dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut.



DUA lelaki maut dalam kemalangan di Kilometer 144.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara berhampiran Pagoh, kelmarin.